



**UPNM**

*National Defence University of Malaysia*

Kewajipan • Maruah • Integriti

# **GARIS PANDUAN PELANTIKAN BAHARU DAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK**

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL  
MALAYSIA**

**(EDISI KEEMPAT)**

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
JABATAN PENDAFTAR**



## ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN	2
KELULUSAN DAN KUATKUASA	3
BAHAGIAN I: PERATURAN UMUM KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK	4
BAHAGIAN II: GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK	8
BAHAGIAN III: KEAHLIAN JAWATANKUASA PEMILIH DAN SARINGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK	11
BAHAGIAN IV: KRITERIA KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK DAN KESETARAAN	13
BAHAGIAN V: CARTA ALIR KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK	41
BAHAGIAN VI: PENGECUALIAN DAN KAJIAN SEMULA KRITERIA KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK	44

**PENDAHULUAN**

**GARIS PANDUAN**

**PELANTIKAN BAHARU DAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT**

**STAF AKADEMIK**

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Garis panduan ini disediakan bagi memberikan penerangan mengenai kaedah pelantikan baharu dan kenaikan pangkat staf akademik universiti yang berkhidmat di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu kecemerlangan sebagai sebuah Universiti yang memfokuskan kepada kecemerlangan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan.

Sebagai salah satu pendekatan yang telah dikenal pasti bagi mencapai hasrat tersebut adalah untuk menarik serta mengekalkan individu-individu yang telah diiktiraf kepakarannya dalam bidang berkaitan dan telah membuktikan hasil sumbangannya dalam dunia akademia untuk diperakukan bagi menikmati ganjaran kenaikan pangkat yang telah disediakan oleh pihak Universiti.

Bagi mendukung hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui *Strengthening Academic Career Pathways and Leadership Development: University Transformation Programme, Orange Book*, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 3 Tahun 2017 yang bersidang pada 28 September 2017 telah meluluskan Kenaikan Pangkat Akademik berdasarkan empat (4) laluan kerjaya di UPNM iaitu:

- i. **Pengajaran** – kemahiran dan inovasi dalam pengajaran;
- ii. **Penyelidikan** – yang memberikan tumpuan penyelidikan berimpak tinggi, pengujian, penemuan atau aktiviti penerokaan melangkaui peranan dan tanggungjawab akademik yang lain;
- iii. **Profesional** – berpengalaman dalam menyelesaikan masalah praktikal. Pengalaman golongan profesional ini akan dapat dimanfaatkan oleh pelajar dan staf akademik; dan
- iv. **Kepimpinan** – memberi tumpuan pada kepimpinan strategik dan pentadbiran Universiti dengan kepakaran dalam perancangan dan pengurusan pendidikan tinggi.

Pada bulan November 2019, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan garis panduan baharu bagi memurnikan kriteria kenaikan pangkat ke jawatan profesor sedia ada dan seterusnya telah diterima pakai oleh UPM.

Adalah diharapkan melalui kenaikan pangkat ini Universiti dan staf berpeluang untuk menimba serta berkongsi pengalaman, kepakaran dan sumbangan yang telah diberikan tersebut.

Justeru itu, garis panduan ini dikeluarkan agar dapat dijadikan panduan oleh semua staf akademik di semua Fakulti/ Pusat/ Jabatan/ Bahagian (FPJB) dan khasnya di Bahagian Sumber Manusia di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia bagi memudahkan proses dan urusan kenaikan pangkat serta mendapatkan perkhidmatan kepakaran luar yang layak dan diiktiraf.

## **KELULUSAN DAN KUAT KUASA**

Kertas kerja Garis Panduan Pelantikan Baharu dan Kriteria Kenaikan Pangkat Staf Akademik UPM ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh:

- i. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 1 Tahun 2017 yang bersidang pada 16 Februari 2017- Kertas Syarahan Ilmiah (VK7) dan Syarahan Perdana (VK6) sebagai Syarat Kenaikan Pangkat Pensyarah Akademik ke Jawatan Profesor Gred Khas C (VK7), Gred Khas B (VK6) dan Gred Khas A (VK5)
- ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 3 Tahun 2017 yang bersidang pada 28 September 2017 - Kenaikan Pangkat Akademik berdasarkan empat (4) laluan kerjaya.
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor Bilangan 5 Tahun 2020 yang telah diadakan pada 20 November 2020

Garis panduan dan kriteria ini berkuat kuasa pada **20 November 2020**

## BAHAGIAN I

### PERATURAN UMUM KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK

#### 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Garis Panduan ini menerangkan tentang prosedur kenaikan pangkat staf akademik di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang meliputi:
- i. Kenaikan Pangkat jawatan Guru Bahasa Gred DG44, DG48 dan DG52;
  - ii. Kenaikan Pangkat jawatan Pensyarah Universiti/Pensyarah Perubatan Gred DS45 / DU51P ke jawatan Pensyarah Kanan DS / DU52;
  - iii. Kenaikan Pangkat jawatan Pensyarah Universiti/Pensyarah Perubatan DS/ DU51/ 52 ke jawatan Profesor Madya DS / DU54;
  - iv. Kriteria kenaikan pangkat secara *time bases* skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan Gred DU53 / 54 ke Gred DU56 (Dengan/ tanpa gelaran Profesor Madya);
  - v. Kenaikan Pangkat jawatan Pensyarah Universiti/Pensyarah Perubatan Gred DS / DU54 dan DU55/ 56 ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7); dan
  - vi. Kenaikan Pangkat jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) ke jawatan Profesor Gred Khas B (VK6).
- 1.2 Garis Panduan ini juga boleh diguna pakai kepada staf akademik bertaraf Kontrak dan Peminjaman yang ingin memohon peningkatan gred.
- 1.3 Syarat dan kriteria kenaikan pangkat yang dinyatakan dalam garis panduan ini adalah mengikut dasar dan pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa serta syarat-syarat tambahan yang diberikan oleh Pengurusan Tertinggi Universiti.
- 1.4 Kenaikan pangkat staf akademik tidak berasaskan kepada kekosongan jawatan namun begitu kebenaran pengisian perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

## 2.0 SYARAT-SYARAT UMUM KENAIKAN PANGKAT

2.1 Syarat-syarat umum kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) Calon perlu mempunyai tiga (3) tahun markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) terkini dan sekurang-kurangnya telah mencapai markah purata 85 markah;
- (c) Bagi calon sedang bercuti belajar bagi tiga (3) tahun terkini, Laporan Kemajuan (*Progress Report*) setiap semester pengajian semasa cuti belajar hendaklah mendapat markah purata dalam kategori sangat memuaskan berkala LAPAN (8) (*very good*) ke atas;
- (d) Diperaku oleh Ketua Jabatan (Dekan/ Pengarah di FPJB yang berkenaan) (Jawatankuasa Kesepakatan FPJB);
- (e) Bebas daripada hukuman tatatertib;
- (f) Telah mengisytiharkan harta;
- (g) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (h) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan;
- (i) Calon perlu membentangkan syarahan umum sebagai syarat tambahan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7), Gred Khas B (VK6) dan Gred Khas A (VK5).
- (j) Terdapat dua (2) jenis syarahan umum di UPNM iaitu Syarahan Ilmiah bagi tujuan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) dan Syarahan Perdana bagi tujuan pengukuhan jawatan Profesor Gred Khas B (VK6) yang disandang untuk tujuan ke gred yang lebih tinggi;
- (k) Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Universiti; dan
- (l) Sekiranya mencapai mutu-mutu yang istimewa calon boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

2.2 Calon yang berikut juga **layak** untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat:

- (a) Calon dalam peminjaman atau pertukaran sementara;
- (b) Calon sedang bercuti belajar bergaji penuh, separuh gaji atau tanpa gaji;
- (c) Calon yang ditohmah tetapi tidak dapat dibuktikan;

- (d) Calon yang sedang dalam prosiding tatatertib. Walau bagaimanapun, kes calon hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga Tatatertib; dan
- (e) Calon yang telah memangku (jika disyaratkan oleh Lembaga) termasuk calon yang telah bersara atau meninggal dunia.

2.3 Calon yang **tidak layak** untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

- (a) Calon tidak memenuhi syarat di perenggan 2.1 dan 2.2;
- (b) Calon bukan lantikan tetap;
- (c) Calon yang memangku dan kemudiannya dibersarakan demi kepentingan awam atau demi kepentingan perkhidmatan awam; dan
- (d) Calon yang telah dikenakan hukuman tatatertib.

2.4 Bagi calon yang telah dikenakan hukuman tatatertib, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2009, Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Calon Yang Sedang Disiasat dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib seperti berikut:

Bil.	Jenis Hukuman	Tempoh Tidak Layak Dipertimbangkan Kenaikan Pangkat
i.	Amaran	12 bulan
ii.	Denda	18 bulan
iii.	Lucut Hak Emolumen	24 bulan
iv.	Tanggung Pergerakan Gaji	30 bulan
v.	Turun Gaji	36 bulan
vi.	Turun Pangkat	48 bulan

Tempoh kuat kuasa tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ialah mulai tarikh hukuman tatatertib dijatuhkan.

### 3.0 TARIKH KENAIKAN PANGKAT

3.1 Tarikh kenaikan pangkat seseorang calon ialah tarikh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat yang mana tarikh kenaikan pangkat ke gred tidak boleh lebih awal daripada tarikh calon itu layak dinaikkan pangkat.

#### **4.0 PENARIKAN BALIK KENAIKAN PANGKAT**

- 4.1 Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat boleh menarik balik kenaikan pangkat seseorang calon jika terdapat kesilapan fakta yang dimaklumkan kepada Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat setelah keputusan kenaikan pangkat calon itu dibuat.
- 4.2 Sebelum penarikan balik kenaikan pangkat dibuat oleh Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat, penyiasatan perlu dibuat bagi mengesahkan kebenaran kesilapan fakta tersebut dan jika perlu calon boleh dikehendaki memberikan penjelasan terhadap kesilapan fakta itu.
- 4.3 Keputusan penarikan balik kenaikan pangkat hendaklah diberitahu kepada calon melalui Ketua Jabatannya dengan segera.

#### **5.0 RAYUAN KENAIKAN PANGKAT**

- 5.1 Seseorang calon yang dipertimbangkan dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat oleh Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat dan tidak berpuashati dengan keputusan Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat, boleh membuat rayuan kepada Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat yang berkenaan.
- 5.2 Rayuan dibuat secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat diberitahu kepada calon dan rayuan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat melalui Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat dan Ketua Jabatan.
- 5.3 Kegagalan calon mengemukakan rayuan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat diberitahu kepada calon boleh menyebabkan rayuan calon tidak dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat.



## **BAHAGIAN II**

### **GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK**

#### **1.0 PEMOHON / CALON**

Pemohon bertanggungjawab untuk menghantar permohonan dengan mengemukakan Borang *Curriculum Vitae (CV)* UPNM kepada Dekan / Pengarah terlebih dahulu dan akan dibawa ke Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti / Pusat dan barulah dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar oleh Pentadbir di Fakulti / Pusat.

#### **2.0 DEKAN / PENGARAH**

Dekan/ Pengarah bertanggungjawab untuk membuat penilaian yang adil kepada setiap pemohon. Selepas seseorang calon daripada fakultinya dinaikkan pangkat, Dekan / Pengarah hendaklah mengatur semula tugas dan tanggungjawab calon tersebut supaya sesuai dengan gred hakiki yang disandang.

#### **3.0 JAWATANKUASA KESEPAKARAN DI PERINGKAT FAKULTI / PUSAT**

Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Dekan / Pengarah bertanggungjawab membuat penilaian awal dan semakan ke atas permohonan calon di bawah Fakulti/ Pusat masing-masing. Jawatankuasa hanya memperakukan calon-calon yang benar-benar layak sahaja dari segi syarat skim perkhidmatan dan kriteria minimum kenaikan pangkat dan kemudiannya mengemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar untuk diproses permohonan tersebut.

##### **3.1 Keahlian Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti/ Pusat**

Fakulti/ Pusat perlu mewujudkan Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti / Pusat yang berperanan sebagai *faculty's evaluation committee* yang akan berperanan untuk membuat penilaian awal diperingkat Fakulti / Pusat berdasarkan borang permohonan calon dan memberi serta membuat justifikasi berdasarkan kriteria kenaikan pangkat. Ahli Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti / Pusat ini hendaklah terdiri daripada seperti berikut:

### **3.1.1 Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Fakulti / Pusat (Pensyarah Kanan/ Profesor Madya)**

- i. Dekan / Pengarah – Pengerusi
- ii. Ahli – Sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli akademik yang bertaraf Profesor / Profesor Madya
- iii. Setiausaha – Penolong Pendaftar

### **3.1.2 Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Fakulti / Pusat (Profesor)**

- i. Dekan / Pengarah – Pengerusi
- ii. Ahli – Sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli akademik yang bertaraf Profesor
- iii. Setiausaha – Penolong Pendaftar

## **4.0 PENTADBIR DI FAKULTI/ PUSAT**

Pentadbir di Fakulti / Pusat bertanggungjawab untuk menghantar Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakatan di peringkat Fakulti / Pusat beserta dengan semua dokumen yang diperlukan untuk proses kenaikan pangkat kepada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar setelah Dekan / Pengarah dan Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti/ Pusat memperakukan permohonan tersebut.

## **5.0 URUSETIA**

Urusetia bertanggungjawab untuk:

- (a) Memastikan dokumen yang dihantar oleh Pemohon dan Pentadbir Fakulti / Pusat lengkap untuk di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Saringan Kenaikan Pangkat;
- (b) Memastikan dan mengesahkan setiap pemohon telah memenuhi syarat umum yang ditetapkan; dan
- (c) Mengeluarkan surat makluman berjaya atau gagal kepada pemohon selepas mendapat kelulusan Pihak Pengurusan Universiti dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

## **6.0 LAPORAN PENILAI LUAR UNTUK PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT**

- 6.1 Permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan tidak memerlukan laporan penilai luar (sekiranya ada keperluan Jawatankuasa akan mengarahkan untuk mendapatkan laporan penilai luar).
- 6.2 Bagi jawatan Profesor Madya dan Profesor pihak Universiti memerlukan laporan penilai luar iaitu sekurang-kurangnya tiga (3) orang penilai luar yang berjawatan daripada universiti-universiti dalam atau luar negara yang diiktiraf dalam bidang kepakaran masing-masing.
- 6.3 Pentadbir Fakulti / Pusat haruslah memberikan senarai nama penilai luar kepada urusetia bersekali dengan dokumen pemohon yang lengkap.

## BAHAGIAN III

### KEAHLIAN JAWATANKUASA PEMILIH DAN SARINGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK

#### 1.0 JAWATANKUASA PEMILIH KENAIKAN PANGKAT AKADEMIK

- 1.1 Sebelum sesuatu urusan kenaikan pangkat dilaksanakan, hendaklah dipastikan keanggotaan jawatankuasa adalah mengikut Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 [P.U.(A) 1/2012] atau peraturan-peraturan lain yang sedang berkuat kuasa. Jika keanggotaan jawatankuasa perlu dilantik, maka pelantikannya hendaklah dibuat terlebih dahulu sebagaimana diperuntukkan dalam peraturan berkenaan.
- 1.2 Keahlian Jawatankuasa Pemilih DAN Saringan Kenaikan Pangkat Akademik adalah seperti berikut:

##### 1.2.1 JAWATANKUASA PEMILIH KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK (JAWATAN PROFESOR)

Keahlian Jawatankuasa bagi maksud kenaikan pangkat ke jawatan Profesor terdiri daripada:

Pengerusi : Naib Canselor

Ahli : i. Dua (2) Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang dilantik oleh lembaga;  
ii. Dekan / Pengarah atau Profesor Kanan atau Profesor Fakulti yang berkenaan;  
iii. Dua (2) wakil Profesor yang dilantik oleh Senat;

Setiausaha : Pendaftar

##### 1.2.2 JAWATANKUASA SARINGAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK (JAWATAN PROFESOR)

Keahlian Jawatankuasa bagi maksud saringan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor terdiri daripada:

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Ahli : i. Semua Timbalan Naib Canselor dan Penolong Naib Canselor ;  
ii. Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat yang berkenaan;  
iii. Dua (2) wakil Profesor yang dilantik oleh Senat;

Setiausaha : Pendaftar

### 1.2.3 **JAWATANKUASA PEMILIH KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK (PROFESOR MADYA DAN PENSYARAH KANAN)**

Keahlian Jawatankuasa bagi maksud kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya dan Pensyarah Kanan terdiri daripada:

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Ahli : i. Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat yang berkenaan;  
ii. Dua (2) wakil Profesor yang dilantik oleh Senat;

Setiausaha : Pendaftar

### 1.2.4 **JAWATANKUASA SARINGAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK (PROFESOR MADYA DAN PENSYARAH KANAN)**

Keahlian Jawatankuasa bagi maksud saringan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya dan Pensyarah Kanan terdiri daripada:

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Ahli : i. Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat yang berkenaan;  
ii. Dua (2) wakil Profesor yang dilantik oleh Senat;

Setiausaha : Pendaftar

## BAHAGIAN IV

### KRITERIA KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK DAN KESETARAAN

#### 1.0 KRITERIA KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA

GRED	KRITERIA	SYARAT
	<b>Umum</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>a) Telah disahkan dalam perkhidmatan;</li><li>b) Purata markah prestasi LPPT 85% dan ke atas bagi TIGA (3) tahun berturut-turut;</li><li>c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan;</li><li>d) Telah mengisytiharkan harta;</li><li>e) Lulus tapisan SPRM;</li><li>f) Bebas daripada disenarai hitam sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan</li><li>g) Diperakukan oleh Jawatankuasa Kesepakatan Peringkat Pusat Bahasa.</li></ul>
<b>DG44</b>	<b>Khusus</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>a) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya EMPAT (4) tahun pada Gred DG41 (Tetap). Calon yang mempunyai Ijazah Sarjana yang berkaitan, layak memohon selepas TIGA (3) tahun berkhidmat secara tetap;</li><li>b) Penilaian Pengajaran oleh pelajar melebihi skor 4.00 bagi DUA (2) semester terkini secara purata dan memenuhi Beban Tugas Akademik (BTA) setiap semester;</li><li>c) Aktif menyumbang kepada Universiti dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat. (Sekurang-kurangnya DUA (2) aktiviti di peringkat Universiti dan SATU (1) di peringkat luar dalam masa setahun);</li><li>d) Aktif dalam pengajaran teradun.</li></ul>
<b>DG48</b>	<b>Khusus</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>a) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya EMPAT (4) tahun pada Gred DG44 (Tetap) atau bagi calon yang mempunyai Ijazah Sarjana yang berkaitan, layak</li></ul>

		<p>memohon selepas TIGA (3) tahun berkhidmat secara tetap;</p> <p>b) Sekurang-kurangnya telah menghasilkan SATU (1) penulisan akademik (termasuk penulisan bersama) seperti artikel jurnal, artikel prosiding, modul, bab dalam buku, modul pengajaran yang diterbitkan. (selepas dilantik Gred DG44 Tetap);</p> <p>Catatan: Penerbitan majalah dan surat khabar tidak boleh diambil kira.</p> <p>c) Menghadiri dan membentang SATU (1) kertas kerja persidangan di peringkat kebangsaan dan SATU (1) di peringkat antarabangsa. (Selepas dilantik Gred DG44);</p> <p>d) Penilaian Pengajaran oleh pelajar melebihi skor 4.00 bagi DUA (2) semester terkini secara purata dan memenuhi Beban Tugas Akademik (BTA setiap semester);</p> <p>e) Aktif menyumbang kepada Universiti dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat. (sekurang-kurangnya TIGA (3) aktiviti di peringkat Universiti dan SATU (1) di peringkat luar dalam masa setahun);</p> <p>f) Aktif dalam pengajaran teradun.</p>
<b>DG52</b>	<b>Khusus</b>	<p>a) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya EMPAT (4) tahun pada gred DG48 (Tetap) dan mempunyai kelayakan Ijazah Lanjutan (Sarjana) atau TIGA (3) tahun pada Gred DG48 (Tetap) bagi yang mempunyai kelayakan Ijazah Lanjutan (PhD);</p> <p>b) Penglibatan dalam menyediakan modul pengajaran dan mempunyai DUA (2) penerbitan selepas dilantik sebagai Guru Bahasa Kanan Gred DG48;</p> <p>c) Menghadiri dan membentang DUA (2) kertas kerja persidangan di peringkat kebangsaan dan SATU (1) di peringkat antarabangsa. (Selepas dilantik Gred DG48);</p> <p>d) Penilaian Pengajaran oleh pelajar melebihi skor 4.00</p>

		<p>bagi DUA (2) semester terkini secara purata dan memenuhi Beban Tugas Akademik (BTA) setiap semester;</p> <p>e) Aktif menyumbang kepada Universiti dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat (Terlibat sekurang-kurangnya EMPAT (4) aktiviti di peringkat Universiti serta SATU (1) di peringkat luar dalam masa setahun dan pernah menjadi penyelaras / AJK di peringkat Pusat/ Universiti/ Luar);</p> <p>f) Mempunyai SATU (1) penyelidikan yang berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran (P&amp;P) serta telah membentangkan hasil tersebut di persidangan (Minimum sebagai penyelidik bersama dan selepas dilantik di Gred DG44);</p> <p>g) Aktif dalam pengajaran teradun.</p>
--	--	--



## 2.0 KRITERIA PELANTIKAN BAHARU PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS45 KE PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS51

Syarat ini digunakan kepada Tutor / Pensyarah Muda yang telah lulus pengajian di peringkat Doktor Falsafah.

BIL.	KATEGORI	KRITERIA PENILAIAN PENCAPAIAN PENSYARAH
1.	<b>Pengajaran dan Penyeliaan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Memenuhi Beban Tugas Akademik (BTA).</li> <li>Terlibat dengan Penyeliaan Pelajar Sarjana Muda, Sarjana (Penyelidikan / Kerja Kursus) atau PhD di UPNM.</li> <li>Aktif dalam pengajaran teradun.</li> </ol>
2.	<b>Penyelidikan, Penerbitan dan Perkhidmatan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menghasilkan Modul Pengajaran <b>atau</b> Buku ilmiah dalam bidang berkaitan yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf <b>atau</b> MOOC.</li> <li>Terlibat dalam aktiviti Penyelidikan yang bergeran atau tanpa geran</li> <li>Menghasilkan Penerbitan berindeks <i>Google Scholar / Scopus / Jurnal Zulfakar</i>, <b>atau</b> Prosiding yang berindeks <b>atau</b> paten.</li> <li>Menjadi Pengerusi / Ahli jawatankuasa dalam penubuhan program <b>atau</b> silibus baharu <b>atau</b> semakan kurikulum</li> <li>Aktif menyumbang kepada Universiti dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat (terlibat sekurang-kurangnya EMPAT (4) aktiviti di peringkat Universiti) dalam masa setahun dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.</li> </ol>
3.	<b>Sumbangan kepada Fakulti/Pusat dan Universiti</b>	Sila nyatakan sumbangan yang telah disumbangkan kepada UPNM.

### 3.0 KRITERIA KENAIKAN PANGKAT KE PENSYARAH KANAN GRED DS52

Kriteria bagi calon yang mempunyai PhD:

BIL.	KATEGORI	MARKAH	SYARAT MINIMUM
1.	<b>PENGAJARAN DAN PENYELIAAN</b>  <b>(65%)</b>	<b>(30)</b>	<b>Pengajaran</b>  Calon telah memenuhi syarat minimum Beban Tugas Akademik (BTA) serta aktif dalam pengajaran teradun.
		<b>(35)</b>	<b>Penyeliaan</b>  Selesai penyeliaan Projek Sarjana Muda (Sekurang-kurangnya LIMA (5) pelajar).  <b>atau</b>  Terlibat dalam penyeliaan SATU (1) orang pelajar Sarjana / Doktor Falsafah (PhD) (secara penyelidikan).  <b>atau</b>  Terlibat dalam penyeliaan TIGA (3) orang pelajar Sarjana (Kerja Kursus).
2.	<b>PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN</b>  <b>(25%)</b>	<b>(10)</b>	<b>Penyelidikan</b>  Mengetuai SATU (1) projek penyelidikan di peringkat kebangsaan.  (SATU (1) paten yang telah diluluskan adalah setara dengan SATU (1) projek penyelidikan).  <b>atau</b>  Sekurang-kurangnya DUA (2) projek penyelidikan sebagai ahli atau penyelidik bersama di peringkat kebangsaan / antarabangsa.  <b>atau</b>  Sekurang-kurangnya SATU (1) harta intelek

			<p>yang telah diluluskan.</p> <p><b>dan</b></p> <p>Geran Penyelidikan minimum:</p> <p>Sains Sosial - RM5,000.00</p> <p>Sains dan Teknologi - RM7,000.00</p>
		(15)	<p style="text-align: center;"><b>Penerbitan</b></p> <p>Calon perlu menerbitkan DUA (2) artikel di dalam jurnal berindeks <i>Google Scholar / Scopus / Jurnal Zulfakar</i>.</p> <p><b>atau</b></p> <p>Telah menerbitkan EMPAT (4) prosiding yang berindeks.</p> <p><b>atau</b></p> <p>Telah menerbitkan DUA (2) modul pengajaran.</p> <p><b>atau</b></p> <p>Telah menghasilkan SATU (1) MOOC</p> <p><b>atau</b></p> <p>Telah menerbitkan SATU (1) bab buku atau buku ilmiah yang berkaitan dengan bidang calon.</p> <p><b>atau</b></p> <p>Telah menghasilkan SATU (1) kertas polisi / Garis Panduan di peringkat kebangsaan.</p>
3.	<p><b>PERKHIDMATAN, RUNDINGAN, KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN</b></p> <p><b>(10%)</b></p>	(10)	<p>i) Aktif menyumbang kepada Universiti dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat (terlibat sekurang-kurangnya EMPAT (4) aktiviti di peringkat Universiti) dalam masa setahun dan mematuhi etika berpakaian serta diperakukan oleh Ketua Jabatan.</p>

			<ul style="list-style-type: none"> <li>ii) Menunjukkan ciri-ciri kepimpinan akademik di peringkat Fakulti / Pusat dan Jabatan atau menerima sebarang anugerah kecemerlangan akademik.</li> <li>iii) Pelantikan sebagai pemeriksa, penilai luar, penasihat akademik, pengadil atau terlibat dalam khidmat perundingan.</li> <li>iv) Penglibatan dalam aktiviti akademik untuk menjayakan hala tuju Fakulti / Pusat.</li> <li>v) Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan seperti penceramah, kerja-kerja sosial, kesatuan, pertubuhan, NGOs dan sebagainya.</li> <li>vi) Ahli badan profesional yang diiktiraf / sub kepakaran.</li> </ul>
4.	<p>a) Bagi calon yang tidak mempunyai PhD / tidak pernah mengikuti pengajian PhD, calon mestilah telah berkhidmat sekurang-kurangnya DUA BELAS (12) tahun di Gred DS45 disamping telah membuktikan tahap kecemerlangan yang bermutu seperti menerbitkan TIGA (3) artikel di dalam <i>ISI Journal Citation Report, Science / Social Science Edition (Ranking Q1 or Q2)</i> atau yang setara, selain daripada syarat yang dinyatakan di atas.</p> <p>b) Bagi calon yang tidak mempunyai PhD / tidak pernah mengikuti pengajian PhD, namun mempunyai kelayakan profesional (Contoh Ir. atau yang setara), calon mestilah telah berkhidmat sekurang-kurangnya SEPULUH (10) tahun bermula di Gred DS45 disamping telah membuktikan tahap kecemerlangan yang bermutu seperti menerbitkan TIGA (3) artikel di dalam <i>ISI Journal Citation Report, Science Edition (Ranking Q1 or Q2)</i> atau yang setara, selain daripada syarat yang dinyatakan di atas.</p>		

**Nota:**

Pensyarah adalah layak untuk dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan PENSYARAH KANAN GRED DS52 apabila:

1. Memenuhi semua kriteria mengikut wajaran yang ditetapkan dan disokong oleh Jawatankuasa Saringan Universiti.
2. Pensyarah yang mendapat lebih daripada 90% markah juga layak untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Saringan sekiranya telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang didalam mana-mana komponen penilaian ataupun terlibat secara aktif dalam aktiviti di Fakulti / Pusat dan Universiti di UPM.
3. Kesemua pencapaian yang dinilai mestilah semasa di dalam Gred DS45, melainkan seperti yang dinyatakan.

#### 4.0 KRITERIA KENAIKAN PANGKAT KE PROFESOR MADYA GRED DS54 DAN GRED DU54 (PAKAR DAN BUKAN PAKAR)

Kesemua pencapaian yang dinilai mestilah semasa di dalam Gred DS51/52 / DU51, melainkan seperti yang dinyatakan:

BIL.	KATEGORI	WAJARAN	MARKAH	SYARAT MINIMUM
1.	Pengajaran dan Penyeliaan	50%	10	Memenuhi BTA untuk TIGA (3) tahun (berdasarkan polisi Universiti).
			12	Menghasilkan SATU (1) graduan Sarjana (Penyelidikan) di UPNM sebagai Penyelia Utama atau setara* <b>serta</b> telah disahkan oleh Senat. *(Sila rujuk Kesetaraan di Perenggan 11.1 dan 11.2)  <b>dan</b>
			8	DUA (2) graduan Sarjana (Penyelidikan) di UPNM sebagai Penyelia Bersama <b>atau</b> Institusi yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia atau setara* <b>serta</b> telah disahkan oleh Senat.  *(Sila rujuk Kesetaraan di Perenggan 11.0)
			10	Aktif dalam pengajaran teradun.
			10	Menerima Anugerah Akademik Cemerlang  <b>atau</b>  Pingat Pengajaran  <b>atau</b>  Purata Penilaian Pengajaran 4.5 (bagi tempoh TIGA (3) tahun).
2.	Penyelidikan	30%		Menghasilkan TIGA (3) Modul

	<b>dan Penerbitan</b>		<b>6</b>	Pengajaran / bab dalam sistem e-Pembelajaran UPNM  <b>atau</b>  SATU (1) Buku ilmiah dalam bidang berkaitan yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf  <b>atau</b>  SATU (1) Anugerah Makalah Terbaik daripada Badan Profesional  <b>atau</b>  DUA (2) Pingat Emas / Anugerah Khas daripada pameran antarabangsa yang diiktiraf  <b>atau</b>  DUA (2) MOOC.
			<b>7</b>	<p style="text-align: center;"><b>Penyelidikan (Kumulatif)</b></p> DUA (2) Penyelidikan (Sekurang-kurangnya SATU (1) sebagai Ketua Penyelidik)  <b>atau</b>  SATU (1) paten yang telah diluluskan.
			<b>7</b>	<p><b>Geran Penyelidikan minimum (Kumulatif):</b></p> Sains dan Teknologi dan Klinikal: RM40,000.00  Sains Sosial: RM20,000.00
			<b>8</b>	<p style="text-align: center;"><b>Penerbitan</b></p> TUJUH (7) penerbitan jurnal berindeks <i>Google Scholar / Scopus / Pub Med / Jurnal Zulfakar</i> , Prosiding yang berindeks / Kertas Polisi / Garis

				Panduan di peringkat kebangsaan <b>atau</b> yang setara*, *(Sila rujuk Kesetaraan di Perenggan 11.0)
			<b>2</b>	<b>H-indeks (Scopus)</b> Sains dan Teknologi: TIGA (3) Sains Sosial: SATU (1) Klinikal: SATU (1)
<b>3.</b>	<b>Perkhidmatan dan Rundingan</b>	<b>10%</b>	<b>4</b>	SATU (1) Projek Rundingan <b>atau</b> Pakar Rujuk <b>atau</b> Ahli Panel (Dalam atau luar UPNM)
			<b>3</b>	SATU (1) Keahlian jawatankuasa di peringkat kebangsaan (Di luar tugas rasmi).
			<b>3</b>	Menjadi Pengerusi / Ahli jawatankuasa di UPNM <b>atau</b> penubuhan program baharu <b>atau</b> silibus baharu <b>atau</b> semakan kurikulum.
<b>4.</b>	<b>Kepimpinan dan Sanjungan</b>	<b>10%</b>	<b>2</b>	Menjadi Ahli Badan / Persatuan Profesional yang diiktiraf / Sub kepakaran.
			<b>2</b>	SATU (1) <i>Invited Speaker</i> peringkat kebangsaan.
			<b>2</b>	Editor <b>atau</b> Penilai <b>atau</b> Pemeriksa (Dalam atau luar UPNM).
			<b>2</b>	Aktif menyumbang kepada Universiti dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat (terlibat sekurang-kurangnya EMPAT (4) aktiviti di



				peringkat Universiti) dalam masa setahun dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.
			2	Menunjukkan keperibadian, penampilan yang kemas dan mematuhi etika berpakaian

**Nota:**

Pensyarah adalah layak untuk dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan PROFESOR MADYA GRED DS / DU54 apabila:

1. Memenuhi semua kriteria mengikut wajaran yang ditetapkan dan disokong oleh Jawatankuasa Saringan Universiti.
2. Pensyarah yang mendapat lebih daripada 90% markah juga layak untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Saringan sekiranya telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang didalam mana-mana komponen penilaian ataupun terlibat dengan jawatan pentadbiran di UPNM.
3. Kesemua pencapaian yang dinilai mestilah semasa di dalam Gred DS51/52 / DU51, melainkan seperti yang dinyatakan.
4. Dekan / Pengarah berpuashati dengan penglibatan secara aktif dalam aktiviti di UPNM. Kehadiran dalam majlis Universiti sekurang-kurangnya EMPAT (4) kali dalam masa setahun perlu direkodkan.

## 5.0 KRITERIA KENAIKAN PANGKAT KE PROFESOR MADYA GRED DU56 (PAKAR)

Kesemua pencapaian yang dinilai mestilah semasa di dalam Gred DU53/54, melainkan seperti yang dinyatakan:

BIL.	KATEGORI	WAJARAN	MARKAH	SYARAT MINIMUM
1.	Pengajaran dan Penyeliaan	50%	10	Memenuhi BTA untuk TIGA (3) tahun (berdasarkan polisi Universiti).
			20	Menghasilkan TIGA (3) graduan Sarjana (Penyelidikan) sebagai Penyelia Utama di UPNM atau Institusi yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia atau yang setara*.  *(Sila rujuk Kesetaraan di Perenggan 11.0).
			10	Aktif dalam pengajaran teradun.
			10	Menerima Anugerah Akademik Cemerlang <b>atau</b> Pingat Pengajaran <b>atau</b> Purata Penilaian Pengajaran 4.5 (bagi tempoh TIGA (3) tahun).
2.	Penyelidikan dan Penerbitan	30%	6	Menghasilkan LIMA (5) Modul Pengajaran / bab didalam sistem e Pembelajaran UPNM  <b>atau</b>  SATU (1) Buku ilmiah dalam bidang berkaitan yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf  <b>atau</b>  SATU (1) Anugerah Makalah Terbaik daripada Badan Profesional  <b>atau</b>  DUA (2) Pingat Emas / Anugerah Khas daripada pameran antarabangsa yang diiktiraf

				<p><b>atau</b></p> <p>DUA (2) MOOC.</p>
			7	<p><b>Penyelidikan (Kumulatif)</b></p> <p>TIGA (3) Penyelidikan (Sekurang-kurangnya SATU (1) sebagai Ketua Penyelidik) <b>atau</b> SATU (1) paten.</p>
			7	<p><b>Geran Penyelidikan minimum (Kumulatif)</b></p> <p>RM60,000.00.</p>
			8	<p><b>Penerbitan</b></p> <p>SEPULUH (10) penerbitan jurnal berindeks <i>Google Scholar / Scopus / Pub Med / Jurnal Zulfakar / Prosiding</i> yang berindeks, Kertas Polisi / Garis Panduan di peringkat kebangsaan <b>atau</b> yang setara*,</p> <p>*(Sila rujuk Kesetaraan di Perenggan 11.0).</p>
			2	<p><b>H-indeks (Scopus) : DUA (2)</b></p>
3.	<b>Perkhidmatan dan Rundingan</b>	<b>10%</b>	4	DUA (2) Projek Rundingan <b>atau</b> Pakar Rujuk <b>atau</b> Panel (Dalam atau luar UPNM).
			3	SATU (1) Keahlian jawatankuasa di peringkat kebangsaan (Di luar tugas rasmi).
			3	Menjadi Pengerusi / Ahli jawatankuasa di UPNM <b>atau</b> penubuhan program baharu <b>atau</b> silibus baharu <b>atau</b> semakan kurikulum.
4.	<b>Kepimpinan dan</b>	<b>10%</b>	2	Menjadi Ahli Badan / Persatuan Profesional yang diiktiraf / Sub

	<b>Sanjungan</b>			kepakaran.
			<b>2</b>	SATU (1) <i>Invited Speaker</i> peringkat kebangsaan.
			<b>2</b>	Editor <b>atau</b> Penilai <b>atau</b> Pemeriksa (Dalam atau luar UPNM).
			<b>2</b>	Aktif menyumbang kepada Universiti dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat (terlibat sekurang-kurangnya EMPAT (4) aktiviti di peringkat Universiti) dalam masa setahun dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.
			<b>2</b>	Menunjukkan keperibadian, penampilan yang kemas dan mematuhi etika berpakaian

**Nota:**

Pensyarah adalah layak untuk dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan PROFESOR MADYA GRED DU56 apabila:

1. Memenuhi semua kriteria mengikut wajaran yang ditetapkan dan disokong oleh Jawatankuasa Saringan Universiti.
2. Pensyarah yang mendapat lebih daripada 90% markah juga layak untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Saringan sekiranya telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang didalam mana-mana komponen penilaian ataupun terlibat dengan jawatan pentadbiran di UPNM.
3. Kesemua pencapaian yang dinilai mestilah semasa di dalam Gred DU53/54, melainkan seperti yang dinyatakan.
4. Dekan / Pengarah berpuashati dengan penglibatan secara aktif dalam aktiviti di UPNM. Kehadiran dalam majlis Universiti sekurang-kurangnya EMPAT (4) kali dalam masa setahun perlu direkodkan.

**6.0 KRITERIA KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME BASED SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERUBATAN KE GRED DU54 DAN DU56 (PAKAR) (TANPA GELARAN PROFESOR MADYA)**

**Syarat Umum:**

- (i) Disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan (markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan 85% bagi TIGA (3) tahun sebelum permohonan);
- (iii) Diperaku oleh Ketua Jabatan;
- (iv) Bebas daripada hukuman tatatertib;
- (v) Telah mengisytiharkan harta;
- (vi) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- (vii) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan
- (viii) Tempoh Cuti Tanpa Gaji tidak diambil kira
- (ix) Aktif menyumbang kepada Universiti dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat (terlibat sekurang-kurangnya EMPAT (4) aktiviti di peringkat Universiti) dalam masa setahun dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.
- (x) Diperakukan oleh Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti.

**Syarat khusus:**

**1. PENSYARAH PERUBATAN (PAKAR)**

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN / GRED</b>	<b>SYARAT KHUSUS</b>
1.	Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P  Kepada  Pensyarah Kanan Perubatan Gred DU51	1. Telah mempunyai kelulusan peringkat Sarjana dan disahkan oleh Senat.  2. Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P diselaraskan ke Pensyarah Kanan Perubatan Gred DU51 sehari selepas disahkan dalam perkhidmatan atas Gred DU51P.
2.	Pensyarah Kanan Perubatan Gred DU51  Kepada  Pensyarah Perubatan Gred DU54	1. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya <b>SEMBILAN (9)</b> tahun perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia atau Institusi-institusi yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia 2. Berdaftar dengan <i>National Specialist Register</i> (NSR).

		<ul style="list-style-type: none"> <li>3. Telah diwartakan sebagai PAKAR.</li> <li>4. Diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat Akademik Universiti.</li> </ul>
3.	<p>Pensyarah Perubatan Gred DU54</p> <p>Kepada</p> <p>Pensyarah Perubatan Pakar Gred DU56</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya <b>LIMA (5)</b> tahun perkhidmatan pada Gred DU53/54 di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia atau Institusi-institusi yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.</li> <li>2. Berdaftar dengan <i>National Specialist Register</i> (NSR).</li> <li>3. Telah diwartakan sebagai <b>PAKAR</b> untuk tempoh sekurang-kurangnya <b>LIMA (5)</b> tahun.</li> <li>4. Diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat Akademik Universiti.</li> </ul>

## 2. PENSYARAH PERUBATAN (BUKAN PAKAR)

BIL.	JAWATAN / GRED	SYARAT KHUSUS
1.	<p>Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P</p> <p>Kepada</p> <p>Pensyarah Kanan Perubatan Gred DU51</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Telah mempunyai kelulusan peringkat Sarjana dan disahkan oleh Senat.</li> <li>2. Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P diselaraskan ke jawatan Pensyarah Kanan Perubatan Gred DU51 sehari selepas disahkan dalam perkhidmatan atas Gred DU51P.</li> </ul>
2.	<p>Pensyarah Kanan Perubatan Gred DU51</p> <p>Kepada</p> <p>Pensyarah Perubatan Gred DU54</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya <b>DUA BELAS (12)</b> tahun perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia atau Institusi-institusi yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.</li> <li>2. Diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat Akademik Universiti.</li> </ul>

## 7.0 KRITERIA KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS C (VK7) PROFESOR

Kesemua pencapaian yang dinilai mestilah semasa di dalam Gred DS53/54 / DU53/54 melainkan seperti yang dinyatakan:

BIL.	KATEGORI	WAJARAN	MARKAH	SYARAT MINIMUM
1.	Pengajaran dan Penyeliaan	50%	10	Memenuhi BTA untuk TIGA (3) tahun (berdasarkan polisi Universiti).
			12	<b>Syarat 1:</b> Wajib menghasilkan SATU (1) graduan PhD di UPNM sebagai Penyelia Utama dan disahkan oleh Senat.  <b>dan</b>
			8	<b>Syarat 2:</b> Wajib menghasilkan DUA (2) graduan Sarjana (Penyelidikan) di UPNM sebagai Penyelia Utama <b>atau</b> setara* <b>serta</b> telah disahkan oleh Senat.  *(Sila rujuk Kesetaraan di Perenggan 11.0).
			10	Aktif dalam pengajaran teradun.
			10	Menerima Anugerah Akademik Cemerlang <b>atau</b> Pingat Pengajaran.
2.	Penyelidikan dan Penerbitan	30%	5	Menghasilkan ENAM (6) (subjek / bab yang berbeza) Modul Pengajaran / bab dalam sistem e Pembelajaran UPNM  <b>atau</b> DUA (2) Buku ilmiah dalam bidang berkaitan yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf  <b>atau</b>

				<p>DUA (2) Anugerah Makalah Terbaik daripada Badan Profesional</p> <p><b>atau</b></p> <p>DUA (2) Pingat Emas / Anugerah Khas daripada pameran antarabangsa</p> <p><b>atau</b></p> <p>DUA (2) MOOC</p> <p><b>atau</b> yang setara.</p>
			5	<p><b>Penyelidikan (Kumulatif)</b></p> <p>Sains dan Teknologi: LIMA (5)</p> <p>Sains Sosial: TIGA (3)</p> <p>Klinikal: TIGA (3)</p> <p>(Sekurang-kurangnya DUA (2) Ketua Penyelidik)</p>
			5	<p><b>Geran Penyelidikan (Kumulatif)</b></p> <p>Sains dan Teknologi: RM300,000.00</p> <p>Sains Sosial: RM150,000.00</p> <p>Klinikal: RM150,000.00</p>
			10	<p><b>Penerbitan</b></p> <p>Sains dan Teknologi: LIMA BELAS (15)</p> <p>Sains Sosial: SEPULUH (10)</p> <p>Klinikal: SEPULUH (10)</p> <p>Jurnal berindeks <i>Google Scholar</i> / <i>Scopus</i> / <i>Pub Med</i> / Jurnal Zulfakar / Prosiding yang berindeks dan Kertas Polisi / Garis Panduan di peringkat kebangsaan.</p>



				<p>NOTA:</p> <p>(a) Bilangan jurnal yang diterbitkan mestilah melebihi 70%.</p> <p>(b) TIGA (3) jurnal hendaklah dalam jurnal ISI / <i>Scopus</i> sebagai Penulis Utama / Pengarang Penghubung.</p>
			<b>5</b>	<p><b>H-indek (<i>Scopus</i>)</b></p> <p>Sains dan Teknologi: LIMA (5)</p> <p>Sains Sosial: TIGA (3)</p> <p>Klinikal: TIGA (3)</p>
<b>3.</b>	<b>Perkhidmatan dan Rundingan</b>	<b>10%</b>	<b>4</b>	<p>Projek Rundingan <b>atau</b> Pakar Rujuk <b>atau</b> Panel Penilai Projek / Geran (Di dalam atau luar UPNM).</p> <p>Sains dan Teknologi: LIMA (5)</p> <p>Sains Sosial: EMPAT (4)</p> <p>Klinikal: DUA (2)</p>
			<b>3</b>	SATU (1) Keahlian jawatankuasa di peringkat kebangsaan <b>dan</b> SATU (1) antarabangsa (Di luar tugas rasmi).
			<b>3</b>	TIGA (3) Pengerusi / Ahli jawatankuasa di UPNM <b>atau</b> penubuhan program baharu <b>atau</b> silibus baharu <b>atau</b> semakan kurikulum.
<b>4.</b>	<b>Kepimpinan dan Sanjungan</b>	<b>10%</b>	<b>2</b>	Menjadi Ahli Badan / Persatuan Profesional Akademik yang diiktiraf.
			<b>2</b>	DUA (2) <i>Keynote Speaker</i> <b>atau</b> <i>Invited Speaker</i> peringkat antarabangsa.

			2	Editor jurnal berindeks (1) <b>atau</b> Penilai luar kenaikan pangkat (2) <b>atau</b> Pemeriksa tesis (2 PhD atau 6 Sarjana) <b>atau</b> Penilai jurnal berindeks (5 artikel) / Penilai manuskrip buku (2 manuskrip) / Pemeriksa Klinikal ( <i>MMed / MPath / MDent / Msurg</i> )
			2	Aktif menyumbang kepada Universiti dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat (terlibat sekurang-kurangnya EMPAT (4) aktiviti di peringkat Universiti) dalam masa setahun dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.
			2	Menunjukkan keperibadian, penampilan yang kemas dan mematuhi etika berpakaian
5.	Calon yang berjaya temuduga jawatan Gred Khas C (VK7) wajib menyampaikan Syarahan Ilmiah sebagai salah satu syarat yang perlu bagi menyempurnakan eksekusi kenaikan pangkat ke Gred Khas C (VK7). Pelantikan sebagai Profesor Gred Khas C (VK7) hanya akan disahkan untuk pergerakan gaji selepas calon menyampaikan syarahan ilmiah.			

**Nota:**

Pensyarah adalah layak untuk dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan PROFESOR GRED KHAS C (VK7) apabila:

1. Memenuhi semua kriteria mengikut wajaran yang ditetapkan dan disokong oleh Jawatankuasa Saringan Universiti.
2. Pensyarah yang mendapat lebih daripada 90% markah juga layak untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Saringan sekiranya telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang didalam mana-mana komponen penilaian ataupun terlibat dengan jawatan Pengurusan Kanan pentadbiran di UPNM.
3. Kesemua pencapaian yang dinilai mestilah semasa di dalam Gred DS53/54 atau DU53/54, melainkan seperti yang dinyatakan.

4. Dekan / Pengarah berpuashati dengan penglibatan secara aktif dalam aktiviti di UPNM. Kehadiran dalam majlis Universiti sekurang-kurangnya EMPAT (4) kali dalam masa setahun perlu direkodkan.

## 8.0 KRITERIA KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS B (VK6) PROFESOR

Kesemua penilaian mestilah dibuat semasa di dalam Gred VK7, melainkan seperti yang dinyatakan:

BIL.	KATEGORI	WAJARAN	MARKAH	SYARAT MINIMUM
1.	Pengajaran dan Penyeliaan	40%	10	<b>Pengajaran</b> Memenuhi BTA pengajaran untuk TIGA (3) tahun (berdasarkan polisi Universiti).
			18	<b>Penyeliaan</b> Telah menghasilkan: EMPAT (4) graduan di peringkat PhD sebagai penyelia utama di UPNM dan disahkan oleh senat. <b>dan</b>
			12	EMPAT (4) graduan di peringkat Sarjana (Penyelidikan) sebagai penyelia utama dan disahkan oleh Senat <b>atau</b> setara*  *(Sila rujuk Kesetaraan di Perenggan 11.0).

2.	Penyelidikan dan Penerbitan	30%	10	<p><b>Penyelidikan (Kumulatif)</b></p> <p>LAPAN (8) penyelidikan. (Sekurang kurangnya sebagai TIGA (3) Penyelidik Utama) atau paten yang telah diluluskan).</p> <p>(SATU (1) paten yang diluluskan setara dengan SATU (1) penyelidikan).</p> <p><b>Geran Penyelidikan</b></p> <p>Sains dan Teknologi: RM 400,000.00</p> <p>Sains Sosial dan Klinikal: RM200,000.00</p>
			10	<p><b>Penerbitan</b></p> <p>TIGA PULUH LIMA (35) jurnal berindeks <i>Google Scholar / Scopus / Pub Med / Jurnal Zulfakar / Prosiding</i> berindeks atau Kertas Polisi / Garis Panduan di peringkat kebangsaan. (Bilangan jurnal yang diterbitkan mestilah melebihi 70%).</p>
			10	<p>Buku <b>atau</b> bab dalam buku (karya asli yang diterbitkan oleh Penerbit yang diiktiraf) <b>atau</b> DUA (2) Anugerah Makalah Terbaik daripada Badan Profesional <b>atau</b> DUA (2) Anugerah Akademik Cemerlang <b>atau</b> DUA (2) Pingat Emas / Anugerah Khas daripada pameran antarabangsa <b>atau</b> telah menghasilkan DUA (2) MOOC.</p>
3.	Sanjungan dan Kepimpinan Akademik	20%	20	<p>EMPAT (4) Ucaptama / Plenari di peringkat kebangsaan <b>atau</b> antarabangsa;</p> <p>Editor jurnal berindeks <b>atau</b> Penilai Jurnal Berindeks (sekurang-kurangnya SEPULUH (10) artikel) <b>atau</b> Pemeriksa</p>

				<p>tesis (5 PhD atau 15 Sarjana).</p> <p>Penilai sekurang-kurangnya EMPAT (4) manuskrip buku; <b>atau</b> Menjadi penilai luar kenaikan pangkat sekurang-kurangnya TIGA (3) calon Profesor <b>atau</b> setara*.</p> <p>*(Sila rujuk Kesetaraan di Perenggan 11.0).</p>
4.	<b>Khidmat Kepada Negara/ Universiti/ Masyarakat</b>	5%	5	<p><b>Keanggotaan Jawatankuasa:</b></p> <p>i. SATU (1) di peringkat kebangsaan (Pengerusi).</p> <p>ii. SATU (1) di peringkat antarabangsa (Pengerusi).</p>
5.	<b>Perundingan/ Jaringan Industri/ Klinikal</b>	5%	5	<p>Bilangan projek rundingan <b>atau</b> pakar rujuk <b>atau</b> Penilai Luar Program atau Panel: DUA (2) (dalam bidang kepakaran).</p>
6.	<b>Syarah Perdana</b>			<p>Calon pernah menyampaikan Syarahan Perdana dan menghasilkan <i>Monograph</i> semasa berada di jawatan Gred Khas C (VK7).</p>

**Nota:**

Pensyarah adalah layak untuk dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan PROFESOR GRED KHAS B (VK6) apabila:

1. Memenuhi semua kriteria mengikut wajaran yang ditetapkan dan disokong oleh Jawatankuasa Saringan Universiti.
2. Pensyarah yang mendapat lebih daripada 90% markah juga layak untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Saringan sekiranya telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang didalam mana-mana komponen penilaian ataupun terlibat dengan jawatan utama pentadbiran (TNC / PNC / DEKAN / PENGARAH) di UPNM.

3. Kesemua pencapaian yang dinilai mestilah semasa di dalam Gred VK7, melainkan seperti yang dinyatakan.
4. Dekan/Pengarah berpuashati dengan penglibatan secara aktif dalam aktiviti di UPNM. Kehadiran dalam majlis Universiti sekurang-kurangnya EMPAT (4) kali dalam masa setahun perlu direkodkan.

## **10.0 SARINGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK**

- 10.1 Calon boleh memohon kenaikan pangkat pada bila-bila masa dengan menghantarkan permohonan melalui Fakulti / Pusat masing-masing.
- 10.2 Fakulti/ Pusat hendaklah mengadakan Jawatankuasa Kesepakatan untuk menilai permohonan calon berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan oleh Universiti dan mengesyorkan/ memperakukan permohonan calon kepada Jabatan Pendaftar dengan menyenaraikan penilaian kesemua permohonan mengikut keutamaan.
- 10.3 Jawatankuasa Saringan Permohonan Kenaikan Pangkat akan meneliti semua permohonan yang telah dihantar oleh Fakulti/ Pusat untuk memilih calon yang layak untuk ditemuduga.



## **11.0 KESETARAAN**

Berikut adalah kesetaraan yang diterima bagi tujuan pemarkahan

- 11.1 SATU (1) Penyelia Utama PhD setara dengan DUA (2) Penyelia Utama Sarjana (Penyelidikan) dan bukan sebaliknya.
- 11.2 DUA (2) Penyelia Bersama PhD (di dalam dan luar UPNM) setara dengan SATU (1) Penyelia Utama Sarjana (Penyelidikan).
- 11.3 TIGA (3) Penyelia Bersama Sarjana (Penyelidikan) (di dalam dan luar UPNM) setara dengan SATU (1) Penyelia Utama Sarjana (Penyelidikan).
- 11.4 TIGA (3) Penyelia Sarjana (Kerja kursus) setara dengan SATU (1) Penyelia Utama Sarjana (Penyelidikan).
- 11.5 SATU (1) Paten yang telah diluluskan setara dengan SATU (1) Projek Penyelidikan.
- 11.6 DUA (2) Penilai Kenaikan Pangkat Gred 54 setara dengan SATU (1) Penilai Kenaikan Pangkat Gred VK7.
- 11.7 DUA (2) Prosiding berindeks setara dengan SATU (1) Jurnal berindeks.
- 11.8 TIGA (3) pingat Perak setara dengan SATU (1) pingat Emas.
- 11.9 EMPAT (4) bab setara dengan SATU (1) buku.

## **12.0 KENAIKAN PANGKAT SECARA KHAS**


Calon boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat secara khas sekiranya telah menunjukkan prestasi yang luar biasa sepanjang perkhidmatan di UPNM disamping telah memberikan impak yang sangat berkesan kepada UPNM.


# BAHAGIAN V


## CARTA ALIR KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK

### 1.0 CARTA ALIR PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT

Carta alir bagi permohonan kenaikan pangkat akademik adalah seperti berikut:







## **BAHAGIAN VI**

### **PENGEQUALIAN DAN KAJIAN SEMULA KRITERIA KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK**

Walau apapun syarat atau kriteria yang terkandung di dalam Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UPNM diguna pakai dan tanpa menjejaskan syarat umum kenaikan pangkat yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Skim Perkhidmatan yang sedia ada. Pihak Berkuasa Melantik UPNM boleh melantik mana-mana jawatan akademik secara kes khas seperti mana yang diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilih atau Jawatankuasa Kenaikan Pangkat dan kelulusan daripada Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Kriteria ini dari semasa ke semasa akan dibuat kajian semula selaras dengan perkembangan dan tuntutan kehendak semasa dunia akademia di UPNM.

Sebarang pertanyaan berkaitan tentang urusan  
Kenaikan Pangkat Staf Akademik  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia sila hubungi:

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**



© BPSM Jabatan Pendaftar, UPNM 2020